

Cacat tidak halang pelajar terima ijazah

SERDANG - Walaupun pergerakannya terbatas akibat penyakit spinocerebellar ataxia yang dialami, ia tidak menghalang Noor Sumaiyah Che Leh, 24, untuk menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Multimedia di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kata anak jati Ipoh, Perak itu, penyakit yang menyebabkan bahagian belakang otaknya mengacak tidak pernah dijadikan alasan untuk berputus asa dan mengalah.

Katanya, walaupun segelintir pelajar menyindirnya akibat kecacatan yang dialami, dia menjadikannya sebagai perangsang untuk terus mencipta kejayaan.

"Saya kuatkan tekad untuk meneruskan pengajian dan kehidupan di kampus berkat sokongan pensyarah serta rakan-rakan yang memahami," katanya ketika ditemui pemberita-



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERAKTIVITI BERPENGARUH

di sini semalam.

Noor Sumaiyah merupakan sebahagian daripada 7,149 graduan UPM pelbagai program pengajian yang menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-37 UPM di sini.

Kecacatan yang mula dikesan selepas Noor Sumaiyah menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia itu membuatkannya sukar bergerak dan membataskan aktivitinya seperti berjalan dan menulis.

Dalam pada itu, Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail berkata, graduan universiti tersebut perlu memperkuuh hubungan dengan para pemimpin bagi membentuk generasi pelapis yang cemerlang untuk negara.

Katanya, interaksi antara generasi pemimpin dan pelapis mampu melahirkan kestabilan mental, fizikal, emosi, personaliti dan perhubungan sosial yang positif.



NOOR SUMAIYAH (kanan)
dicium ibunya, Faridah Din pada Majlis Konvokesyen UPM ke-37 di Serdang, Selangor semalam.